

**NEGARA<sub>2</sub> ASEAN DIMINTA GUNAKAN KEPAKARAN  
MASING<sub>2</sub> UNTUK TINGKATKAN KERJASAMA EKONOMI**

---

**Jangan terlalu  
bangga barang  
sendiri—Dr. M.**

UM 14 MAR 1987

**KUALA LUMPUR 13 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta negara - negara ASEAN jangan terlalu berbangga dengan 'barangan sendiri' tetapi hendaklah menggunakan kepakaran dan kelebihan masing - masing untuk meningkatkan kerjasama ekonomi.**

"Zaman untuk berbangga dengan 'barangan sendiri' atau cuba mengeluarkan sepenuhnya sesuatu secara sendiri sudah berlalu. Kita mestilah sedar sikap itu sudah ketinggalan zaman.

"Dengan perkembangan sains dan teknologi tiada sebuah negara boleh melakukan sesuatu secara sendiri. Negara - negara paling maju yang menguasai sebahagian besar pasaran juga terpaksa membeli komponen tertentu dari negara lain untuk mengeluarkan barangan siap mereka," tambah Perdana Menteri.

Oleh itu, katanya, negara - negara ASEAN sebagai satu pertubuhan serantau hendaklah mengenalpasti kelebihan - kelebihan ekonomi masing - masing untuk bekerjasama kerana sebahagian besar kandungan barangan siap yang ada di pasaran sekarang terdiri daripada komponen - komponen yang dibuat di beberapa negara lain. Berucap merasmikan Kongres Ekonomi ASEAN yang pertama di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menekankan, dalam keadaan ekonomi dunia yang diselubungi oleh cabaran amalan perlindungan, kejatuhan harga komoditi dan turun naik matawang, satu - satunya

**LIHAT MUKA 6**

**SAMBUNGAN DARI MUKA 1**

**JANGAN TERLALU BANGGA BARANG SENDIRI — PM**

UM 14 MAR 1987

cara untuk menghadapinya ialah dengan bekerjasama termasuk dalam sektor pembuatan. Sebagai contoh, kata beliau, Jepun sekarang telah mula menjalin kerjasama dengan negara - negara lain untuk mengeluarkan komponen barangan siap mereka kerana ia menyedari jika ia mahu terus mengekalkan sikap nasionalistiknya, ia tidak akan mampu menghadapi beban kenaikan nilai yen.

"Barangan buatan Jepun tidak lama lagi akan hanya bermakna barangan yang dipasang di Jepun malahan mungkin sedikit masa lagi ia hanya merupakan barangan keluaran syarikat Jepun tetapi dipasang di negara lain.

"Mereka menyedari hakikat sebenar dunia perdagangan hari ini, ASEAN mesti turut melakukannya kerana survival dan kemewahan rantau ini bergantung kepada kesediaan anggota

ASEAN bekerjasama dan mengeneipkan kepentingan ekonomi individu," tambah Perdana Menteri.

Katanya lagi, keperluan kerjasama serantau yang lebih erat hendaklah dipertimbangkan setaraf dengan kepentingan pembangunan negara sendiri selagi ia tidak memberikan kesan yang sebaliknya.

Umpamanya, kata Perdana Menteri, perdagangan antara negara ASEAN hendaklah ditingkatkan secara radikal dan Peraturan Keutamaan Perdagangan (PTA) yang berkuatkuasa sekarang yang merangkumi 18,000 barangan hendaklah juga mencakupi perkara - perkara lain yang mempunyai kesan kepada konsep perdagangan keutamaan.

"Satu langkah susulan untuk membesarkan peluang perdagangan antara ASEAN mestilah dibuat. ASEAN boleh mencipta peluang itu dengan membuka pasaran negara masing - masing untuk barangan dari negara anggota lain. "Mungkin sudah sampai

masanya setiap negara anggota memberitahu apa yang masing - masing sedia lakukan untuk mewujudkan peluang itu," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Katanya, tidak dinafikan kepentingan nasional harus dijaga dalam apa langkah sekalipun tetapi semua negara anggota mesti ingat, pertumbuhan serantau akan memberi sumbangan besar kepada perkembangan nasional. Beliau menambah, negara - negara ASEAN tidak perlu menunggu lebih lama untuk menilai dan memutuskan penyesuaian - penyesuaian penting yang perlu dibuat dalam menghadapi masalah ekonomi sekarang.

Menyentuh tentang pendapat kalangan tertentu terhadap penumpuan ASEAN kepada aspek politik sejak 20 tahun lalu, Perdana Menteri berkata, pertubuhan ini perlu menekankan perkara itu kerana tanpa kestabilan politik di rantau ini perkembangan ekonomi tidak mungkin dinikmati.